



Headline: Cikgu rugi RM32,900 ditipu sindiket Macau Scam
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 20 May 2018

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 22

Cikgu rugi RM32,900 ditipu sindiket Macau Scam

KUANTAN - Seorang guru tadika yang didakwa kononnya mempunyai kes lampau di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur oleh sindiket penipuan Macau Scam terpedaya hingga terpaksa menanggung kerugian RM32,900 kerana takut ditangkap pihak keselamatan, Khamis lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, mangsa yang berusia 58 tahun dari Cameron Highlands itu menerima panggilan daripada suspek lelaki kira-kira jam 12.30 tengah hari.

Menurutnya, pada awal perbualan suspek memberitahu bahawa seorang lelaki bernama Lee Siew Kim, 43, menggunakan kad pengenalan mangsa untuk mengambil ubat tidur di Hospital Ipoh dan di Hospital Kuala Lumpur.

"Dalam masa sama, suspek memberitahu mangsa ada dua kes lampau di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan perlu pergi ke sana sebelum jam 4 petang hari yang sama.

"Namun begitu mangsa ditakutkan sekiranya gagal tiba pada waktu ditetapkan pihak polis akan pergi ke rumah untuk menahannya.

"Kemudiannya, sekitar jam 3.30 petang suspek menyuruh mangsa memasukkan duit sebanyak RM32,900 di Bank Hong Leong untuk selesai kes tersebut,"



MOHD WAZIR

katanya kepada pemberita, di sini, semalam.

Menurut Wazir, suspek yang takut terus ke Bank Hong Leong, Tanah Rata dan memasukkan wang tersebut ke akaun bank atas nama Mohd Azin Rohani.

"Selepas mangsa memasukkan wang tersebut dia memberitahu adiknya tentang kejadian berkenaan.

"Setelah berbincang mereka mengesyaki telah tertipu dengan suspek berkenaan dan segera membuat laporan polis di Balai Bolis Tanah Rata, kelmarin," katanya.

Sementara itu, katanya lagi, kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun dan sebat serta boleh dikenakan denda jika sabit kesalahan.